

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Saturday, October 12, 2019 1:34 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Alumni Dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti Disenaraikan Dalam WACE Co-op Hall of Fame



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 OKTOBER 2019 / 13 SAFAR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

ALUMNI DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI DISENARAIKAN DALAM WACE CO-OP HALL OF FAME



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Alumni Universiti Utara Malaysia (UUM), Dato' Muzammil Mohamad telah disenaraikan dalam WACE Co-op Hall of Fame bagi tahun 2019-2020.

Dato' Muzammil yang merupakan graduan UUM pada tahun 1992 bagi program Sarjana Muda Perakaunan telah menerima surat penghargaan tersebut yang disampaikan Pengerusi LPU UUM, Dato' Prof. Dr. Sudin Haron dan disaksikan Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani pada Bengkel Pelan Strategik UUM Ke-3 (2021-2025) di EDC Hotel, kelmarin.

Beliau juga adalah Ahli LPU UUM merangkap Pengurus Negara Malaysia dan Brunei Qatar Airways.

UUM menerusi Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) merupakan rakan global World Association for Cooperative Education (WACE) yang merupakan sebuah organisasi profesional antarabangsa khusus untuk membangun, memperluas, menjenama dan menyokong koperasi dan program pendidikan berintegrasikan kerja di dalam industri dan institusi pendidikan.

WACE Co-op Hall of Fame diwujudkan pada 2001 untuk mengenali dan mengiktiraf graduan cemerlang koperasi dan pendidikan berintegrasikan kerja (*work-integrated education*), memaparkan kisah kejayaan dari pelbagai bidang kerjaya dan meningkatkan kesedaran serta minat pelajar terhadap peluang yang boleh didapati melalui pendidikan koperasi kolej.

Pada tahun ini, seramai 24 pemimpin universiti telah menamakan 33 calon yang cemerlang untuk menerima pengiktirafan WACE Co-op Hall of Fame ini, antaranya dari Clarkson University, University of Cincinnati, University of Victoria dan University At Albany selain UUM.

Kriteria bagi melayakkan individu disenaraikan dalam WACE Co-op Hall of Fame adalah alumni yang berjaya dalam karier dan menyokong program pendidikan berintegrasikan kerja serta dicadangkan oleh alma mater, selain memegang jawatan di dalam syarikat terkemuka dunia.

WACE Co-op Hall of Fame itu juga mengiktiraf dan menerima semua bentuk pembelajaran berasaskan pengalaman yang diusahakan oleh industri dan institusi pendidikan sebagai persediaan untuk generasi profesional global akan datang.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.